

SEJAUH MANAKAH KEBERKESANAN MAJLIS DAERAH
HULU LANGAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA
PENDUDUK-PENDUDUK DI KAWASAN BANDAR BARU BANGI

Oleh:

1. Nazaruddin Bin Omar
2. Rubbuan Said
3. Mohd. Arshad Husin
4. Zulkifli Abd. Hamid
5. Roslan Hassan

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-undang
Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

November 1989

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
CADANGAN KAJISELIDIK	v
1.0 Ringkasan Masalah	vi
2.0 Objektif/Matlamat Penyelidikan	vi
3.0 Andaian	vii
4.0 Skop Penyelidik	vii
5.0 Kaedah Penyelidikan	ix
5.1.1 Data Prima	ix
5.1.2 Data Sekunder	x
6.0 Masalah-masalah	x
7.0 Anggaran Perbelanjaan	xi
BAB I	
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Sejarah Penubuhan Bandar Baru Bangi	1
1.2 Latar Belakang Penubuhan	2
1.3 Matlamat Penubuhan	4
BAB II	
2.0 SEKILAS LALU MENGENAI BANDAR BARU BANGI	6
2.1 Dirancang Dengan Teliti Untuk Menjadi Bandar Contoh Zaman 1990	6

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan keizinanNya Kertas Projek ini telah dapat disiapkan.

Kertas Projek ini adalah merupakan sebagai satu mata pelajaran yang telah diwajibkan bagi semua pelajar yang mengambil Kursus Diploma Pentadbiran Awam. Bagi maksud ini tajuk yang sesuai dengan skop pengajian telah dipilih iaitu:- "SEJAUH MANAKAH KEBERKESANAN MAJLIS DAERAH HULU LANGAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK DI KAWASAN BANDAR BARU BANGI".

Dalam proses penyediaan Kertas Projek ini penyelidik telah banyak mendapat tunjuk ajar, garis-garis panduan, bimbingan serta cadangan-cadangan dari masa ke semasa dari Cik Shireen bt. Haron selaku Penyelia Projek dan akhirnya Kertas Projek ini dapat disiapkan dengan baik. Oleh itu, penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau dan juga pihak kajian yang telah bersusah payah untuk membolehkan Kertas Projek ini disiapkan.

Tidak lupa juga penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik G.E. Wales, Kerani Kanan, Majlis Daerah Hulu Langat Kajang, Puan Siti Zubaidah bt. Abd. Jabar, Penolong Pengarah (Pentadbiran) dan Encik

SINOPSIS

Kertas Projek ini disediakan adalah bertujuan untuk membuat beberapa kajian terhadap sejauh manakah keberkesanan Majlis Daerah Hulu Langat (MDHL) memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan Bandar Baru Bangi. Menerusi penyelidikan ini penyelidik berharap akan dapat memberikan gambaran tentang sejauhmana keberkesanan dan masalah yang dihadapi oleh Majlis ini dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk Bandar Baru Bangi.

Mula-mula sekali penyelidik menghuraikan mengenai latarbelakang sejarah penubuhan Bandar Baru Bangi serta perancangan pembangunan bandar tersebut. Huraian-huraian ini terkandung di dalam Bab I, II dan III.

Seterusnya di dalam Bab IV pula dihuraikan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh MDHL kepada penduduk yang melibatkan dua perkara penting iaitu di segi pentadbiran dan perkhidmatan.

Diikuti pula dengan Bab V iaitu mengenai masalah serta maklum balas yang telah diberikan oleh penduduk berdasarkan kepada jenis-jenis perkhidmatan yang telah diberikan oleh Majlis ini. Hasil daripada masalah-masalah ini Majlis telah memberi beberapa ulasan dan

BAB I

1.0 PENDAHULUAN

1.1 SEJARAH PENUBUHAN BANDAR BARU BANGI

Bandar Baru Bangi yang terletak lebih kurang 25 km (14 batu) dari Kuala Lumpur adalah merupakan sebuah bandar baru yang moden di mana ia merupakan satu projek yang dirancang bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Pembukaan Bandar Baru Bangi bermula pada tahun 1975. Ia dimajukan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada Pelan Struktur Bandar Baru Bangi yang disediakan bersama di antara Jabatan Perancang Bandar dan Kampung dan PKNS pada tahun 1974 yang meliputi tanah seluas 2926 hektar.

Kewujudan Bandar Baru Bangi adalah berkait rapat dengan penempatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi bahkan kedua-duanya boleh dianggap sebagai saudara kembar. Projek Bandar Baru ini dianggap akan menjadi sebuah 'Bandar Cambridge' di Malaysia dengan adanya dua buah kampus terletak berhampiran iaitu UKM dan UPM di sebelah barat lautnya.

Pembangunan bandar ini menjadi sebagai 'nucleus' bagi pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia selain